

5226/1
**Tasawwur
Islam**
Peperiksaan
Percubaan SPM
Kertas 1
1¹/₄ Jam

SOALAN GUNA SAMA SEKOLAH
MENENGAH
DAERAH ASAJAYA, SAMARAHAN
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
2017**

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1
Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B***
2. *Jawab **semua** bahagian*
3. ***Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul dihalaman belakang dalam kertas soalan ini.*
4. ***Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruangan jawapan dihalaman belakang dalam kertas soalan ini.*
5. *Anda dinasihatkan mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B***

Kertas soalan ini mengandungi **8** halaman bercetak termasuk muka hadapan

BAHAGIAN A
(20 MARKAH)

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan berikut diikuti oleh **empat** pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**.
Pilih jawapan yang tepat

1. Pilih proses yang betul tentang kejadian insan menurut Islam.
 - A Nutfah - Alaqah – Mudghah – Tulang berbalut daging - Bayi
 - B Nutfah - Mudghah – Tulang berbalut daging – Alaqah - Bayi
 - C Nutfah - Alaqah – Mudghah – Bayi - Tulang berbalut daging
 - D Nutfah - Mudghah – Alaqah – Tulang berbalut daging - Bayi

2. Berikut adalah nama-nama yang mulia yang dimiliki oleh Allah SWT **kecuali**...
 - A Al - Muhaimin
 - B Al - Quddus
 - C Al - Hakim
 - D Al – Asma’

3. Berikut adalah ciri – ciri seorang rasul **kecuali**...
 - A setiap rasul adalah seorang nabi.
 - B bilangan rasul seramai 313 orang.
 - C diberikan wahyu untuk dirinya sahaja.
 - D menerima kitab suci untuk disampaikan.

4. Berikut yang manakah **bukan** hukum bagi kesalahan takzir.
 - A Memberi teguran yang baik.
 - B Mengarahkan pesalah dibuang daerah.
 - C Mengenakan hukuman penjara.
 - D Menjatuhkan hukuman bunuh setelah bertaubat.

5. Wahyu diturunkan kepada Nabi dan rasul melalui..
 - I Balik tabir.
 - II Perantaraan wali.
 - III Perantaraan Jibril.
 - IV Mimpi yang benar.
 - A I , II , dan III
 - B I , II , dan IV
 - C I , III , dan IV
 - D II , III , dan IV

6

- Mengeratkan hubungan persaudaraan
- Melahirkan semangat tolong – menolong
- Membangunkan ekonomi dengan cara yang diredhai Allah

Pernyataan di atas menerangkan tentang,

- A Ciri – ciri muamalah.
- B Sistem muamalah.
- C Tujuan muamalah.
- D Peraturan muamalah.

7 Antara yang berikut yang manakah menjelaskan kepentingan harta terhadap pembangunan masyarakat

- I Meningkatkan taraf hidup.
- II Membantu golongan yang ditimpa musibah.
- III Mewujudkan golongan yang hidup dalam kemewahan.
- IV Memberikan pinjaman modal untuk memulakan perniagaan.

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

8 Antara yang berikut yang manakah perbuatan yang boleh memupuk perpaduan dalam masyarakat majmuk?

- I Menghapuskan kegiatan jenayah
- II Menghormati pandangan setiap pihak
- III Menyertai semua keraian keagamaan
- IV Menggayakan pakaian masyarakat berbilang kaum

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

9. Antara yang berikut yang manakah cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dalam kalangan umatnya

- A Menyertai projek amal.
- B Membayar zakat fitrah.
- C Mewujudkan peluang pekerjaan.
- D Menjauhi perbuatan rasuah dan riba.

10. Pilih pernyataan yang **salah** tentang kepentingan taubat

- A Melahirkan keinsafan diri.
- B Menjamin kecerdasan minda.
- C Memperoleh ketenangan jiwa.
- D Mengukuhkan keperibadian individu.

11.

<ul style="list-style-type: none">• Mentaati Allah s.w.t.• Menjaga kesihatan rohani dan jasmani• Mengamalkan akhlak mulia

- Pernyataan di atas adalah tanggungjawab manusia terhadap..
- A Keluarga.
B Diri sendiri.
C Masyarakat.
D Makhhluk lain.
12. Pernyataanmanakah yang **tidak** berkaitan dengan fikah?
- A Meyakinkan umat Islam untuk melaksanakan ibadah
B Menentukan hukum Islam diamalkan dalam kehidupan
C hukuman yang dijatuhkan bersumberkan dalil dan hujah yang benar
D Menjadikan hukum Islam berkembang serta bersesuaian dengan masa, tempat dan keadaan.
13. Berikut adalah prinsip dasar pembinaan pemerintahan Islam **kecuali**.
- A Al-Syura.
B Al-Adalah.
C Al-Hadiah.
D Al-Hurriyyah.
14.

<i>Hikmah penetapan hukum haram</i>	Memastikan manusia tidak melakukan kerosakan dan penindasan
	Memastikan manusia sentiasa berdisiplin dengan meninggalkan larangan Allah
	T
- Pernyataan yang sesuai untuk **T** ialah
- A Memelihara kepentingan dan maruah diri.
B Memberi peluang untuk menambah pahala.
C Mendorong umat Islam sentiasa melakukan kebaikan.
D Memberi kelonggaran untuk membuat pilihan yang sesuai.
15. Berikut adalah cara untuk memelihara keturunan **kecuali**
- A Pengharaman perbuatan homoseks dan liwat
B Larangan fitnah, membunuh dan minum arak
C Galakan berkahwin dan berkeluarga
D Hukuman hudud kepada penzina

16. Pernyataan berikut menerangkan tentang cara-cara meningkatkan kualiti ibadat...

- I Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang sesuatu ibadat
- II Membaca buku-buku ilmiah
- III Mendampingi orang yang berilmu dan soleh
- IV Ibadat yang dilakukan mestilah dengan tenang dan sabar

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

17. Antara yang berikut, yang manakah **bukan** cara berdakwah yang berkesan?

- A Memberikan pengetahuan yang sempurna.
- B Mengadakan perbincangan yang baik.
- C Melalui penyampaian oleh ahli ulama.
- D Menyalurkan khidmat amal.

18. Seorang hakim dilarang menghakimi sesuatu kes yang melibatkan..

- A Pencerobohan harta.
- B Kehilangan nyawa.
- C Kenaikan pangkat.
- D Kaum keluarga.

19. Pernyataan manakah yang **bukan** merupakan ciri-ciri sistem sosial?

- A Berpandukan al – Quran dan Hadis.
- B Perhubungan atas dasar keimanan kepada Allah SWT.
- C Mengutamakan kepentingan umum daripada individu.
- D Mencapai kesejahteraan dan keharmonian hidup di dunia dan di akhirat.

- Mengelakkan manusia daripada sombong dan terlalu mencintai harta.
- Menjadikan manusia bersyukur dengan harta yang dimilikinya.

20. Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Peranan harta.
- B Batasan hak milik harta.
- C Peraturan dalam pemilikan harta.
- D Kesan ketiadaan pengiktirafan hak milik.

Bahagian B
[20 MARKAH]

Soalan 21 hingga Soalan 24

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

- | | | |
|----|---|---|
| 21 | Ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap orang Islam. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| 22 | Harta benda yang wajib diberikan kepada waris yang dibunuh. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| 23 | Perkara luar biasa yang berlaku kepada manusia biasa yang tinggi darjatnya di sisi Allah SWT. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| 24 | Menceritakan amalan baik yang telah dilakukan kepada orang lain supaya mendapat pujian dan sanjungan daripada masyarakat. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |

Soalan 25 hingga Soalan 28

Lengkapkan pernyataan berikut berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Majlis Syura	Makruh	Wajib
Masalah Mursalah	Ibadat Khusus	Qisas

- 25 Antara sumber rujukan dalam Islam yang tidak disepakati oleh ulama' termasuklah Qias, Istihsan, 'Uruf dan _____
- 26 Amalan yang disyariatkan oleh Allah SWT samaada fardu atau sunat merujuk kepada _____
- 27 _____ merupakan kuasa tertinggi dalam pemerintahan Islam selepas Allah SWT.
- 28 Hukum _____ ialah perlakuan yang disarankan untuk meninggalkannya sebagai langkah mengelakkan mendapat dosa.

Soalan 29 dan Soalan 30

Menegakkan perundangan dan hukum Allah SWT
P
Q
Mencapai kebahagiaan

Jadual A

Jadual A berkaitan dengan matlamat-matlamat pembentukan sesebuah negara Islam. Tulis jawapan yang betul

29 **P** ialah _____

30 **Q** ialah _____

Soalan 31 dan Soalan 32

R	Menggandakan wang atau mendapat faedah/bunga hasil daripada hutang piutang dan pinjaman.
S	Penguasaan sepenuhnya terhadap sesuatu barangan, perdagangan, perkhidmatan dan sebagainya dalam pasaran tertentu oleh seseorang, sebuah firma atau sekumpulan orang.

Jadual B

Jadual B merupakan perkara-perkara yang dilarang dan diharamkan dalam sistem muamalah Islam. Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Rasuah	Monopoli	Riba	Manipulasi
--------	----------	------	------------

31 **R** ialah _____

32 **S** ialah _____

Soalan 33 dan Soalan 34

Jenis muamalah	Persamaan	Perbezaan
T	Satu cara menolong orang yang memerlukan barangan	Pinjaman wang atau barangan dengan menyerahkan sesuatu yang berharga sebagai cagaran.
U		Kontrak sewaan sesuatu barangan kepunyaan orang lain yang berharga dengan mengenakan bayaran.

33 **T** ialah _____

34 **U** ialah _____

Soalan 35 dan Soalan 36

Perlakukan dalam Penyelesaian Masalah menurut Islam mengikut keutamaan.

Niat
Keazaman
V
Tawakal
W

Jadual C

Merujuk Jadual C di atas,

35 **V** ialah _____

36 **W** ialah _____

Soalan 37 dan Soalan 40

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- | | | |
|----|--|--------------------------|
| 37 | Menjaga ibadat semasa melakukan pekerjaan merupakan langkah bagi memperoleh harta secara halal. | <input type="checkbox"/> |
| 38 | Kelebihan Islam tidak sekadar berkaitan dengan aspek material tetapi juga meliputi aspek sosiologi | <input type="checkbox"/> |
| 39 | Tujuan perundangan Islam adalah untuk menjaga agama, nyawa, keturunan, harta dan akal | <input type="checkbox"/> |
| 40 | Fatwa ialah kefahaman tentang hukum amali yang diijtihadkan oleh para mujtahid yang diambil daripada dalil-dalil syarak. | <input type="checkbox"/> |